

TERAS

pendaftar.utem.edu.my/buletin-myteras.html



Sesi Fotografi Aidilfitri Pejabat Pendaftar

Forum
Citra Akademia UTeM

Program
"Executive Talk" Bicara Kepimpinan
Bersama PLPU

Konvensyen Horizon Baharu
KIK Kali Ke-8 UTeM 2026

Pengemaskinian myPortfolio
Bersama Penyelaras PTj

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk melangkah ke tahun 2026 dengan semangat dan iltizam yang baharu. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga Sidang Redaksi Buletin TERAS atas komitmen berterusan dalam menerbitkan edisi terkini ini sebagai wadah penyampaian maklumat yang berkesan kepada seluruh warga universiti.

Buletin TERAS terus memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi yang menghimpunkan pelbagai aktiviti, program serta informasi berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan universiti. Usaha ini bukan sahaja melengkapkan saluran sedia ada seperti laman web Pejabat Pendaftar, malah memperkukuh lagi penyampaian maklumat secara menyeluruh dan tersusun.

Memasuki tahun 2026, saya berharap segala pencapaian, inisiatif serta penambahbaikan yang telah dilaksanakan sebelum ini akan terus diperkasakan. Tahun baharu ini wajar dijadikan platform untuk kita mempertingkatkan lagi kecekapan, memperkukuh budaya kerja cemerlang serta memperluas inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, saya yakin kita mampu mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

Akhir kata, Pejabat Pendaftar akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti, berintegriti dan berimpak tinggi demi memenuhi keperluan serta kepuasan pemegang taruh. Sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada Sidang Redaksi Buletin TERAS atas penerbitan edisi ini. Semoga buletin ini memberi manfaat yang besar dan menjadi rujukan berguna kepada semua warga universiti.

Sekian, terima kasih.

Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

**Sekapur
Sireh**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Buletin TERAS edisi tahun 2026 dapat diterbitkan dengan jayanya. Penghasilan edisi ini bukanlah sesuatu yang mudah, ia menuntut iltizam, kerjasama padu serta komitmen berterusan daripada semua pihak yang terlibat. Walaupun berdepan dengan kekangan masa dan tuntutan tugas hakiki yang sentiasa mencabar, namun dengan semangat berpasukan yang tinggi, segala cabaran berjaya ditempuhi demi memastikan penerbitan ini dapat direalisasikan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi atas dedikasi, kesungguhan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan penerbitan Buletin TERAS kali ini. Buletin yang memaparkan pelbagai perkongsian aktiviti dan program Pejabat Pendaftar ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan, inspirasi serta memberi manfaat kepada seluruh pembaca.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua warga Pejabat Pendaftar yang telah menyumbangkan artikel, idea, pandangan serta pengalaman berharga untuk dikongsikan melalui medium ini. Buletin TERAS terus berperanan sebagai wadah penulisan dan dokumentasi yang mengetengahkan pelaksanaan program, aktiviti serta maklumat terkini berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan demi manfaat seluruh warga universiti.

Memasuki tahun 2026, saya berharap segala pengalaman, pencapaian dan pengajaran yang diperoleh sebelum ini dapat dijadikan asas untuk kita melangkah dengan lebih yakin dan berdaya saing. Semoga tahun ini membawa lebih banyak kejayaan, memperkukuh semangat kerja berpasukan serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke arah kecemerlangan yang berterusan.

Akhir kata, saya berharap agar Buletin TERAS terus memberi impak positif dan manfaat kepada semua pembaca. InsyaAllah, kita akan terus berusaha menampilkan kandungan yang lebih segar, menarik dan berkualiti dalam keluaran akan datang.

Sekian, terima kasih.

Siti Norani binti Dolah

Ketua Editor
Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

Editorial

Sidang Redaksi

Penaung

Masdzarif bin Mahat

Ketua Editor

Siti Norani binti Dolah

Pembaca Prof

Elfa Laily binti Mohd Tahir
@ Mohd Ramli

Sidang Redaksi

Zulkifli bin Ishak
Nurayuni binti Mahabib
Anuarrudin bin Md Soom
Sharifah Intan binti Osman
Muhammad Iqbal bin Amdan
Nurul Athirah binti Nor Azman
Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang

Pereka Letak

Ratnasaerah binti Azis

Penulis

Azie binti Rasid
Hairulizan binti Yacob
Nor Ashikin binti Rahman
Norhidayah binti Mohd Zainudin
Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz
Muhammad Khairul bin Kamarulzaman

Kandungan

9

27

07

13

17

Program *Executive Talk* Bicara Kepimpinan
Bersama Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti (PLPU)

05

Bengkel Pengemaskinian myPortfolio:
Pemantapan HRMIS dan Integrasi Teknologi AI

22

MyTalent@UTeM Memperkukuh Kompetensi
Teras dan Kompetensi Generik Kumpulan
Pelaksana

25

Program *Executive Talk* "Ihsan Beyond
Excellence"

30

Majlis Sesi Temu Pejabat Pendaftar

33

Tahniah! Para Pemenang Konvensyen Horizon
Baharu KIK UTeM Kali Ke-8 Tahun 2026

39

Bengkel Pemantapan Dokumen Kumpulan
Inovatif (KIK)

47

Program Saringan Kesihatan Tahun 2026

51



Program *Executive Talk*

Bicara Kepimpinan Bersama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (PLPU)

Program *Executive Talk* Bil. 2/2025

Disediakan oleh:
Muhammad Khairul bin
Kamarulzaman

Universiti berperanan sebagai pusat perkembangan pelbagai disiplin ilmu melalui pelbagai medium penyampaian dan perkongsian maklumat antara pelajar, warga akademik dan pentadbiran. Penyebaran ilmu ini menjadi asas kepada percambahan idea baharu yang seterusnya mendorong kemajuan universiti dan pembangunan negara secara lebih progresif.



Program *Executive Talk* Bil. 2/2025 merupakan salah satu inisiatif anjuran Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta memperkukuh kemahiran pegawai dalam pelbagai bidang profesional dan kepimpinan. Program ini telah diadakan pada 8 Disember 2025 bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Canselori dan berjaya menghimpunkan warga universiti dalam suasana perkongsian ilmu yang bermanfaat.

Program ini menampilkan Yang Berbahagia Dato' Dr. Husaini bin Omar, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sebagai penceramah utama. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin sebagai tanda sokongan terhadap penganjuran program berteraskan ilmu ini.

Perkongsian yang disampaikan oleh tokoh penceramah merangkumi pengalaman beliau bermula daripada pendidikan awal, seterusnya ke peringkat pengajian tinggi, hinggalah perjalanan kerjaya profesional sehingga bersara. Walaupun telah bersara, beliau masih aktif menyumbang bakti dengan memegang beberapa jawatan penting dalam pelbagai organisasi di Malaysia, termasuklah sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti di UTeM.



“

Semangat juang yang tinggi serta etika kerja cemerlang yang ditonjolkan oleh beliau wajar dijadikan inspirasi oleh seluruh warga Universiti

Semangat juang yang tinggi serta etika kerja cemerlang yang ditonjolkan oleh beliau wajar dijadikan inspirasi oleh seluruh warga universiti. Ia membuktikan bahawa faktor usia bukanlah penghalang untuk terus maju, malah pengalaman yang dimiliki mampu menjadi pemangkin kepada kecemerlangan organisasi. Program seperti ini bukan sahaja memperkukuh kompetensi individu, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan universiti dan negara secara holistik.



Persembahan Pengurusan KIK 2026

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KIK Horizon Baharu UTeM

Disediakan oleh:
Nor Ashikin binti Rahman

Persembahan Pengurusan KIK 2025 telah berlangsung dengan penuh semangat pada 10 Disember 2025 bertempat di Dewan Auditorium Bangunan Canselori. Sebanyak enam (6) kumpulan KIK tampil berentap mempersembahkan cadangan projek masing-masing, iaitu Move, Innovalis, Be Care, UTeMxTech, The Novatrak dan Luminous Technos.



Program ini menjadi platform penting untuk menilai potensi projek yang dikemukakan, di samping memberikan khidmat nasihat bagi memperkukuh idea yang bakal diangkat ke peringkat seterusnya.

Tahun 2025 menyaksikan satu sejarah baharu apabila barisan juri jemputan terdiri sepenuhnya daripada empat (4) juri dalaman yang berpengalaman luas dalam bidang KIK. Mereka ialah:

1. **Puan Nurul Akmar binti Mehat**,
Perpustakaan Laman Hikmah selaku
Ketua Juri,
2. **Puan Noorazilah binti Mohamed**,
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal
Ehwal Pelajar dan Alumni),
3. **Ts. Dr. Hazriq Izzuan bin Jaafar**, Fakulti
Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik, dan
4. **Ts. Dr. Faizal bin Baharom**, Fakulti
Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik.



Setiap kumpulan tampil dengan penuh keyakinan, mempersembahkan projek yang kreatif dan inovatif sehingga berjaya memukau perhatian para juri.





UTeMxTech dari FTKEK muncul sebagai kumpulan dengan markah tertinggi, mengungguli kumpulan-kumpulan lain melalui persembahan mantap dan penyelesaian inovatif yang diketengahkan.

Semua kumpulan KIK berjaya mara ke pusingan seterusnya, iaitu ke Konvensyen KIK UTeM, menandakan langkah penting dalam perjalanan mereka menuju kecemerlangan inovasi.

Tahniah dan syabas kepada semua Kumpulan KIK UTeM.



Majlis *Hi-Tea* Pejabat Pendaftar 2025

Menghargai Jasa, Menyemai Kenangan

Penganjuran Majlis *Hi-Tea*

Disediakan oleh:
Azie binti Rasid

Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis *Hi-Tea* di Courtyard by Marriott, Melaka pada 12 Disember 2025 sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada warga kerja yang telah menabur bakti dengan penuh dedikasi. Majlis yang dikendalikan oleh Kelab Staf Pejabat Pendaftar ini telah menghimpunkan seramai 90 orang staf Pejabat Pendaftar dalam suasana mesra dan penuh kekeluargaan.



Majlis ini diadakan khusus bagi meraikan persaraan tiga (3) orang mantan staf Pejabat Pendaftar, iaitu Tuan Hj. Misdrom bin Lan, Encik Hang Jebat bin Abdul Rahman dan Encik Shahrul Izwan bin Adnan, yang masing-masing telah mencurahkan khidmat bakti melebihi 40, 30 dan 20 tahun dalam sektor awam.



Sumbangan, komitmen serta pengalaman mereka sepanjang tempoh perkhidmatan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sejak penubuhannya pada 01 Disember 2000, telah menjadi sebahagian daripada perjalanan dan kemajuan Pejabat Pendaftar dalam memperkukuh peranan sebagai pusat rujukan serta kecemerlangan tadbir urus sumber manusia Universiti.





Selain menjadi platform penghargaan, majlis ini turut mengeratkan silaturahim dalam kalangan staf serta memperkukuh semangat kebersamaan dan budaya kerja berpasukan. Suasana majlis yang sederhana namun bermakna ini mencerminkan nilai kekeluargaan dan saling menghargai yang sentiasa menjadi teras perkhidmatan Pejabat Pendaftar.





Pejabat Pendaftar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Hj. Misdrom bin Lan, Encik Hang Jebat bin Abdul Rahman dan Encik Shahrul Izwan bin Adnan atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan. Semoga ianya terus dikenang sebagai sebahagian daripada legasi kecemerlangan Pejabat Pendaftar dan tercatat sebagai amalan yang berpanjangan.



Forum Citra Akademia UTeM

Perkukuh Kepimpinan Progresif dan Transformasi Universiti

Forum Citra Akademia

Disediakan oleh:
Norhidayah binti Mohd
Zainuddin

MELAKA, 22 Dis 2025 – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus memperkukuh agenda pembangunan kepimpinan institusi melalui penganjuran Forum Citra Akademia bertemakan “Kita Bergerak Bersama: Kepimpinan yang Menginspirasi Perubahan”, yang menjadi platform penting perkongsian ilmu, pengalaman dan wawasan kepimpinan dalam kalangan warga universiti.

Forum ini dianjurkan sebagai kesinambungan kepada penyertaan empat pemimpin UTeM dalam *High-Impact Leadership Programme* di Brunel University, London, yang merupakan hasil kerjasama strategik antara Brunel University dan City University Malaysia.

*UTeM terus
memperkukuh
agenda
pembangunan
kepimpinan institusi
melalui penganjuran
Forum Citra
Akademia*

Program berimpak tinggi tersebut telah memberi pendedahan menyeluruh kepada kepimpinan strategik dan beretika, tadbir urus yang cekap dan berintegriti, pelan penggantian kepimpinan yang lebih berstruktur, serta kefahaman mendalam terhadap peranan transformasi digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam pengurusan universiti masa hadapan.



Dalam ucapan pembukaan, Datuk Naib Canselor menegaskan bahawa kepimpinan dalam ekosistem pendidikan tinggi masa kini bukan lagi sekadar berkisar kepada jawatan atau gelaran, sebaliknya melibatkan keupayaan mempengaruhi, menggerakkan dan membentuk budaya kerja yang memberi impak positif serta mampan kepada universiti.





Forum ini menampilkan empat panel kepimpinan universiti iaitu Prof. Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK); Prof. Ir. Dr. Mohd Asyadi 'Azam bin Mohd Abid, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Pendidikan (FTKIP); Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Fani bin Sulaima, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) serta Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Rayme bin Anang Masuri, Pengarah Pusat Pengurusan Pembangunan (PPP).

Perkongsian panel merangkumi pelbagai aspek penting kepimpinan universiti termasuk ciri-ciri pemimpin berimpak tinggi yang berteraskan visi jelas, konsistensi tindakan, pembuatan keputusan berasaskan data serta keupayaan memacu transformasi.

Selain itu, perbincangan turut menekankan kepentingan kepimpinan kolaboratif bagi memastikan semua warga kerja bergerak seiring dalam melaksanakan perubahan melalui komunikasi yang telus, penglibatan awal dan persekitaran kerja yang selamat untuk menyuarakan pandangan serta pendapat.





Forum ini juga memberi penekanan kepada pembangunan bakat dan potensi staf sebagai aset terpenting universiti melalui pendekatan *coaching*, *mentoring* serta peluang kepimpinan pada skala kecil.

Dalam masa yang sama, aspek pembinaan budaya inovasi dan prestasi tinggi turut dibincangkan dengan menekankan keperluan mengurangkan birokrasi, menyediakan ruang eksperimen, memperjelas hala tuju serta meraikan pencapaian warga kerja.

Secara keseluruhan, Forum Citra Akademia ini memperlihatkan komitmen berterusan UTeM dalam membina barisan pemimpin yang berfikiran strategik, berdaya saing dan bersedia memimpin perubahan dalam era digital dan *Artificial Intelligence* (AI). Ilmu serta pengalaman yang dibawa pulang daripada pendedahan antarabangsa ini diharapkan dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan, budaya kerja dan keputusan strategik yang memberi nilai tambah kepada kecemerlangan universiti.





UTeM juga merancang untuk meneruskan peluang pendedahan kepimpinan seumpama ini kepada lebih ramai pemimpin dan staf pada masa akan datang sebagai usaha memperkuat “pipeline” kepimpinan dan memastikan kelestarian kecemerlangan universiti.





Bengkel Pemantapan KIK 2026

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pemantapan Dokumen KIK

Disediakan oleh:
Nor Ashikin binti Rahman

Satu Bengkel Pemantapan KIK telah berlangsung pada **11 hingga 12 Februari 2026** bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi. Bengkel ini menghimpunkan hampir 55 orang peserta yang terdiri daripada enam kumpulan KIK, iaitu **Move, Innovalis, Be Care, UTeMxTech, The Novatrac dan Luminous Technos**.





Bengkel ini turut menampilkan penceramah undangan, Encik Kamaruzaman Kasim, figura yang tidak asing lagi dalam dunia KIK. Beliau berkongsi pelbagai ilmu, panduan dan teknik bagi membantu para peserta memperkemas projek masing-masing, khususnya dari aspek penyediaan dokumentasi.





Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan dengan kaedah penulisan dokumentasi KIK yang lebih tersusun, kemas dan memenuhi skema pemarkahan yang ditetapkan. Bengkel ini juga sebagai persediaan kepada peserta menghadapi Konvensyen KIK UTeM yang dijangka berlangsung pada April 2026. Bengkel ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman peserta mengenai penyediaan dokumentasi, malah turut memantapkan hala tuju setiap kumpulan dalam mempersembahkan projek mereka dengan lebih berkualiti dan profesional.



Bengkel

Pengemaskinian myPortfolio: Pemantapan HRMIS Dan Integrasi Teknologi “Artificial Intelligence” (AI)

Pengemaskinian Myportfolio Bersama Penyelaras PTj

DURIAN TUNGGAL – Bagi memastikan tadbir urus dan pengurusan organisasi kekal dinamik serta selari dengan perubahan semasa perkhidmatan awam, Pejabat Pendaftar melalui Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi bakal menganjurkan Bengkel Pengemaskinian Myportfolio Bersama Penyelaras Pentadbir Pusat Tanggungjawab (PTj).

Disediakan oleh:
Muhammad Afiq bin Aziz @
Abdul Aziz





Pelaksanaan myPortfolio melalui Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) merupakan salah satu kriteria Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sejak tahun 2022. Justeru, bengkel ini sangat signifikan bagi memastikan kecekapan pengurusan data staf sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Seiring dengan landskap universiti yang sentiasa berkembang, bengkel pada tahun 2026 ini dilaksanakan bertujuan untuk melancarkan proses kemas kini maklumat staf UTeM. Langkah ini penting bagi mendepani pelbagai perubahan struktur dalaman seperti kewujudan jawatan baharu, urusan kenaikan pangkat, pertukaran penempatan, serta pengenalan struktur organisasi yang baharu. Selain itu, transisi daripada Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada Sistem Saraan Penjawat Awam (SSPA) turut memberi kesan langsung kepada beberapa skim perkhidmatan yang memerlukan dokumen myPortfolio staf diselaraskan dengan segera.



Bengkel intensif ini memfokuskan kepada beberapa agenda utama termasuklah mengulang kaji semula tatacara penyediaan dokumen, memberikan taklimat menyeluruh mengenai tatacara pengemaskinian kepada Penyelaras Pentadbir PTj, serta pemantapan kemahiran digital. Apa yang menarik, bengkel kali ini turut memperkenalkan kaedah moden dan efisien dalam menjana Deskripsi Tugas (Job Description) menggunakan bantuan teknologi kecerdasan buatan (AI). Di samping itu, para peserta juga dilatih menggunakan perisian Microsoft Visio khusus untuk melakar carta aliran proses kerja secara lebih sistematik.

“

UTeM bukan sahaja dapat memastikan kepatuhan penuh terhadap KPI HRMIS yang digariskan oleh kementerian, malah ia menjadi pemacu kepada kecekapan pengurusan sumber manusia



Program ini akan dijalankan secara berfasa mengikut kumpulan peserta pada 31 Mac 2026 (Selasa) dan 1 April 2026 (Rabu), bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Bilik Latihan 1, Pejabat Ketua Pegawai Digital, UTeM. Bagi memastikan input bengkel ini dapat disebarluaskan ke seluruh universiti, penyertaan difokuskan kepada para Penyelaras Pentadbir dan urusetia daripada pelbagai PTj. Seramai 31 orang peserta akan menghadiri sesi hari pertama, manakala sesi hari kedua pula akan dihadiri oleh 24 orang peserta yang mewakili pelbagai jabatan seperti Pejabat Canselori, Pejabat Bendahari, Perpustakaan Laman Hikmah serta seluruh fakulti dan pusat kecemerlangan di UTeM.

Melalui penganjuran bengkel ini, UTeM bukan sahaja dapat memastikan kepatuhan penuh terhadap KPI HRMIS yang digariskan oleh kementerian, malah ia menjadi pemacu kepada kecekapan pengurusan sumber manusia. Staf universiti akan mempunyai deskripsi tugas yang jelas, telus, dan terkini. Paling utama, penerapan elemen teknologi seperti AI dan Microsoft Visio membuktikan komitmen UTeM dalam membudayakan inovasi digital dalam tugas seharian, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi pentadbiran universiti ke arah standard yang lebih tinggi dan profesional.



MyTalent@UTeM

Memperkukuh Kompetensi Teras dan Kompetensi Generik Kumpulan Pelaksana

Sesi Taklimat Penilaian MyTalent@UTeM

Sesi Taklimat Penilaian MyTalent@UTeM bagi Kumpulan Pelaksana Bil. 1/2026 telah diadakan pada 29 Januari 2026 di Bilik Latihan 1, Pejabat Ketua Pegawai Digital, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sesi ini melibatkan kehadiran 37 daripada 41 orang staf Kumpulan Pelaksana yang terdiri daripada jawatan Setiausaha Pejabat Gred N5 dan N6.

Disediakan oleh:
Muhammad Khairul bin
Kamarulzaman



Pada 5 Mac 2026, sesi Taklimat Penilaian MyTalent@UTeM bagi Kumpulan Pelaksana Bil. 2/2026 telah berjaya dianjurkan di Bilik Latihan 1, Pejabat Ketua Pegawai Digital, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Program ini melibatkan penyertaan seramai 22 daripada 24 orang staf bagi jawatan Pembantu Akauntan Gred W1 dan W2 serta berlangsung dalam suasana yang kondusif dan interaktif.

Sesi Taklimat Penilaian MyTalent@UTeM bagi Kumpulan Pelaksana Bil. 3/2026 telah dilaksanakan pada 7 April 2026 di Bilik Latihan 2, Pejabat Ketua Pegawai Digital, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Taklimat ini melibatkan kehadiran seramai 40 daripada 47 orang staf yang terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 dan N6.

Sesi Taklimat Penilaian MyTalent@UTeM bagi Kumpulan Pelaksana Bil. 4/2026 telah berlangsung pada 21 April 2026 di Bilik Latihan 1, Pejabat Ketua Pegawai Digital, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Taklimat ini telah dihadiri oleh 27 daripada 29 orang staf yang terdiri daripada Pembantu Pustakawan Gred S1 dan S2.

Program ini dianjurkan sebagai inisiatif untuk memperkukuh pemahaman berkaitan penilaian kompetensi staf yang berasaskan Kompetensi Teras dan Kompetensi Generik. Taklimat ini bertujuan memberikan pendedahan yang menyeluruh mengenai kaedah pelaksanaan penilaian, kriteria yang ditetapkan serta peranan setiap staf dalam memastikan proses penilaian MyTalent@UTeM dilaksanakan secara efektif dan sistematik.



Di samping itu, para peserta turut diberikan penerangan berkaitan kepentingan sistem ini dalam membantu menutup jurang kompetensi, meningkatkan kecekapan dan prestasi kerja, serta menyokong pembangunan kerjaya staf secara berterusan selaras dengan keperluan organisasi.

Sepanjang sesi berlangsung, para peserta telah diberikan penerangan berkaitan Dasar MyTalent@UTeM, termasuk Required Competency Level (RCL), iaitu tahap kompetensi minimum yang perlu dicapai mengikut jawatan dan gred masing-masing. Penerangan ini membantu peserta memahami dengan lebih jelas keperluan penilaian serta standard prestasi yang telah ditetapkan oleh universiti.

Selain itu, taklimat ini turut meningkatkan keyakinan staf dalam mengendalikan proses penilaian secara lebih sistematik, berfokus dan telus. Penyampaian maklumat yang jelas dan terperinci juga membuka ruang kepada peserta untuk mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh dalam pelaksanaan tugas harian dengan lebih berkesan.



Secara keseluruhannya, sesi taklimat ini telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dalam memperjelaskan pelaksanaan penilaian MyTalent@UTeM serta memperkukuh kefahaman staf mengenai kepentingan kompetensi dalam menyokong pembangunan sumber manusia yang kompeten, profesional dan berdaya saing.





Aktiviti
STAR
 Kelab Staf
 Pejabat
 Pendaftar
 @ Starians





Bahagian Sumber Manusia (BSM)



Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi (BGPO)



Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)



Bahagian Pembangunan Bakat (BPB)



Pejabat Keselamatan



Program *Executive Talk* “*Ihsan Beyond Excellence*”

Program *Executive Talk* Bil. 1/2026

Program *Executive Talk* Bil. 1/2026 pada 28 April 2026 telah berlangsung dengan penuh inspirasi apabila menampilkan personaliti platform TikTok terkenal, Tuan Hj Roslan bin Mohamad, atau lebih dikenali sebagai Pakcik Lan. Bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Canselori. Sesi yang bermula pada jam 10:00 pagi itu berjaya menarik perhatian warga universiti melalui perkongsian bertajuk “*Ihsan Beyond Excellence*”.

Disediakan oleh:
Muhammad Khairul bin
Kamarulzaman





Dalam perkongsianannya, Pakcik Lan yang juga merupakan bekas Pengarah Kanan 1 (JUSA A/B) dan Ketua Bahagian Transformasi dan Penyelarasan Negeri di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), menekankan bahawa kecemerlangan sebenar tidak hanya terhad kepada pencapaian profesional semata-mata. Sebaliknya, ia perlu disokong dengan penerapan nilai ihsan yang merangkumi empati, keikhlasan dan integriti dalam setiap tindakan.

“

kecemerlangan sebenar tidak hanya terhad kepada pencapaian profesional semata-mata. Sebaliknya, ia perlu disokong dengan penerapan nilai ihsan yang merangkumi empati, keikhlasan dan integriti dalam setiap tindakan

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran barisan Pengurusan Tertinggi Universiti, antaranya Ketua Pegawai Operasi, Encik Masdzarif bin Mahat, Bendahari, Puan Sabarina binti Abdullah serta Penasihat Undang-Undang, Encik Mohd Nizam bin Pavel. Kehadiran dekan fakulti, pensyarah serta pegawai pentadbiran dan sokongan turut memeriahkan suasana, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi terhadap pembangunan nilai dan budaya kerja organisasi.

Sepanjang ceramah, Pakcik Lan berkongsi pengalaman luas beliau dalam menerajui transformasi sektor awam dan swasta. Beliau menegaskan bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukan sahaja bergantung kepada prestasi kerja yang cemerlang, tetapi juga kepada keseimbangan nilai kemanusiaan yang diamalkan oleh setiap individu dalam organisasi tersebut.

Program ini dilihat sebagai satu platform penting dalam memperkukuh budaya kerja berasaskan nilai murni dalam kalangan warga universiti. Perkongsian yang disampaikan bukan sahaja memberi perspektif baharu, malah menjadi pemangkin kepada usaha membudayakan konsep ihsan secara konsisten dalam setiap kerja dan tugas.

Secara keseluruhannya, Program *Executive Talk* Bil. 1/2026 ini berjaya menyampaikan mesej yang jelas bahawa kecemerlangan sejati lahir daripada gabungan prestasi tinggi dan nilai kemanusiaan yang kukuh, seterusnya membentuk organisasi yang lebih berdaya tahan, berintegriti dan berjiwa besar.





Sesi Temu Pejabat Pendaftar (STeP) Bil.1 Tahun 2026

Disediakan oleh:
Nor Ashikin binti Rahman

Penganjuran Sesi Temu Pejabat Pendaftar (STeP) Bil.1 Tahun 2026 telah diadakan pada 10 April 2026 (Jumaat) melibatkan seramai 157 orang staf Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada lima (5) bahagian iaitu Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi, Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Pembangunan Bakat, Bahagian Pengurusan Akademik dan Pejabat Keselamatan. Program STeP merupakan inisiatif julung kali yang dianjurkan oleh Kelab Staf Pejabat Pendaftar (STAR) sebagai platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim, meningkatkan komunikasi dua hala serta membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan dan kebajikan staf Pejabat Pendaftar.





Sesi Temu Pejabat Pendaftar (STeP) dirancang sebagai satu platform pertemuan berkala yang akan dilaksanakan secara konsisten setiap empat (4) bulan sekali. Penganjuran secara berkala ini bertujuan memastikan kesinambungan komunikasi yang efektif antara pihak pengurusan dan staf, di samping menyediakan ruang yang berterusan untuk perkongsian maklumat, perbincangan isu semasa serta penambahbaikan perkhidmatan.

Objektif penganjuran Sesi Temu Pejabat Pendaftar (STeP) adalah:

- 1** Memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan staf Pejabat Pendaftar.
- 2** Menyediakan platform komunikasi dua hala antara pihak pengurusan dan staf.
- 3** Menyampaikan maklumat terkini berkaitan dasar, perkhidmatan dan pengurusan Pejabat Pendaftar.
- 4** Memupuk semangat kerja berpasukan dan budaya kerja yang positif dalam kalangan staf.

Dalam Amanat yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi, Encik Masdzarif bin Mahat menyentuh beberapa aspek iaitu berkenaan **hala tuju strategik universiti melalui Teras Strategik 4 (ST4) di bawah Pelan Strategik UTeM 2026-2030** iaitu "Memperkasa Ekosistem Rancak, Mensejahtera Jagat" yang **menekankan pemerkasaan ekosistem kerja yang dinamik serta kesejahteraan warga universiti.**



Beliau turut menekankan peranan utama warga Pejabat Pendaftar tertumpu kepada **Strategi 4.1**, iaitu memperkasa sumber manusia dan governan melalui peningkatan kemahiran staf serta pengukuhan integriti bagi memastikan pengurusan universiti lebih cekap dan berimpak tinggi. Hal ini dizahirkan melalui pelaksanaan enam inisiatif utama merangkumi

1 Inisiatif 4.1.1: Peningkatan bilangan staf Akademik dikenali sebagai Ilmuwan Teknikal (Technical Scholar). Kita menasaskan penambahan staf akademik yang memiliki pengiktirafan Jurutera Profesional (Ir.), Professional Technologist (Ts.), dan pelbagai pensijilan profesional lain

2 Inisiatif 4.1.2: Pembangunan kompetensi staf Pengurusan & Profesional dan staf Pelaksana. Sasaran kita adalah untuk memastikan 100% staf kumpulan ini mencapai tahap kompetensi yang diperlukan atau Required Competency Level (RCL) bagi menyokong operasi universiti yang pantas.

3 Inisiatif 4.1.3: Penyediaan Team F1 dan pengganti Team F1. Pembangunan bakat kepimpinan adalah kritikal, dan kita menasaskan 100% calon pelapis akan dinilai menerusi sistem pelan penggantian pada setiap tahun.

4 Inisiatif 4.1.4: Mengukuhkan kesejahteraan Keluarga UTeM.

Ini merupakan nadi kecemerlangan kita di mana kesejahteraan fizikal, mental, dan rohani staf akan dijaga menerusi pelaksanaan beratus program Nilai Teras UTeM, inisiatif Pelan Kebajikan Staf, serta pemantauan kesihatan.

5 Inisiatif 4.1.5: Pelaksanaan inisiatif *reskilling* dan *upskilling* staf UTeM.

Bagi kekal relevan dengan cabaran semasa, pihak universiti akan melipatgandakan program latihan bagi memperlengkapkan semua staf dengan kemahiran baharu.

6 Inisiatif 4.1.6: Pemerkasaan governan dan tadbir urus.

Kita mahu mengukuhkan tadbir urus dengan melaksanakan audit sendiri sumber manusia dan memastikan pembinaan Manual Had Kuasa Pentadbiran mencapai 100% bagi memperjelaskan tanggungjawab setiap pihak.



“

Selain itu, beliau menegaskan bahawa kejayaan setiap inisiatif tersebut bergantung kepada **kerjasama padu seluruh warga Pejabat Pendaftar sebagai satu pasukan yang saling melengkapi.**



Pengisian Sesi Temu Pejabat Pendaftar (STeP) Bil.1 Tahun 2026 adalah:



1 Bacaan Yasiin khusus kepada staf Pejabat Pendaftar yang telah meninggal dunia

2 Penyampaian Amanat Ketua Pegawai Operasi, Encik Masdzarif bin Mahat yang merangkumi perkongsian hala tuju dan aspirasi Pejabat Pendaftar dalam memastikan penyampaian perkhidmatan universiti terus cemerlang.

3 Sesi Apresiasi iaitu pemberian sijil penghargaan Jawatankuasa STAR Sesi 2024-2026

4 Serahan sijil perlantikan kepada Jawatankuasa STAR Sesi 2026-2028

5 Pemberian cenderahati kepada bakal jemaah haji iaitu Encik Mohd Azmi bin Md Said, Ketua Bahagian Pembagunan Bakat yang bakal berangkat ke Tanah Suci pada Mei 2026.

**Jawatankuasa
Kelab
STAR
Pejabat
Pendaftar
Sesi
2026 - 2028**



**Simbolik
Penyerahan
Tugas
Daripada
JK STAR
Sesi 2024-2026
Kepada
JK STAR
Sesi 2026-2028**

**Pemberian
cenderahati
kepada bakal
jemaah haji
iaitu
Encik Mohd Azmi
bin Md Said,
Ketua Bahagian
Pembangunan
Bakat**





Tahniah!

**Para Pemenang Konvensyen Horizon
Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif
Kali ke – 8 Tahun 2026**

Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Disediakan oleh:
Nor Ashikin binti Rahman

Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kali ke – 8 Tahun 2026 telah diadakan pada 6 Mei 2026 (Rabu), bermula jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Dewan Auditorium, Aras 3, Bangunan Canselori.



Konvensyen ini melibatkan empat (4) buah kumpulan KIK yang mewakili empat (4) Pusat Tanggungjawab (PTj). Senarai kumpulan beserta tajuk projek seperti di bawah:

BIL.	NAMA KUMPULAN	PUSAT TANGGUNG JAWAB	TAJUK PROJEK
1	Luminous Technos	FTKIP	CLAMPJET: Pengurangan Masa Penyediaan Bahan Kerja Semasa Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Makmal Waterjet
2	The Novatrac	Pejabat Pendaftar	Transformasi penyerahan jubah graduan melalui kaedah pandu lalu
3	Move	PLH	ReVO (Research Repository & Vault Online)
4	UTeMxTech	FTKEK	Aplikasi UTeMGo

Penganjuran KIK adalah bertujuan untuk:

1

Memberi tumpuan kepada penghasilan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif bagi menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan berkesan serta memelihara kesejahteraan organisasi.

2

Memupuk kebolehan menyelesaikan masalah dalam kalangan staf UTeM agar setiap cabaran di tempat kerja dapat ditangani secara berkesan dan profesional.

3

Memupuk dan menerapkan nilai serta etika kerja yang positif dalam kalangan warga UTeM.

4

Menggalakkan penyertaan semua warga UTeM untuk terlibat dalam proses penyelesaian masalah demi meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti jabatan/pejabat masing-masing seiring dengan konsep pengurusan secara penyertaan (participative management). Diharapkan pada tahun-tahun akan datang lebih banyak Pusat Tanggungjawab/Pihak Berkuasa Universiti dapat menyertai pertandingan KIK ini.

Konvensyen tersebut telah disempurnakan perasmianya oleh Siti Saluwa binti Jamal, Ketua Pustakawan merangkap Ahli Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM, yang turut menzahirkan komitmen universiti dalam memperkasa budaya inovasi, kreativiti dan penambahbaikan berterusan menerusi pelaksanaan KIK di peringkat universiti.

Konvensyen pada kali ini cukup istimewa kerana buat pertama kalinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menggunakan format Horizon Baharu (HB) seperti yang diperkenalkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pendekatan ini mencerminkan anjakan ke arah budaya inovasi yang lebih dinamik, menyeluruh dan berimpak tinggi dalam kalangan warga UTeM. Pendekatan Horizon Baharu KIK ini turut menekankan inovasi yang lebih menyeluruh, termasuk aspek sosial, penyampaian perkhidmatan, serta kesejahteraan warga kerja.

Melalui konvensyen ini, anugerah diberikan berdasarkan kualiti projek yang dipertandingkan dan kematangan persembahan. Pemenang konvensyen KIK pada hari ini, seterusnya akan mewakili UTeM keKonvensyen Horizon Baharu KIK peringkat Universiti Awam yang akan diadakan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 4-6 Ogos 2026.





Konvensyen ini diadili oleh tiga (3) orang juri yang berpengalaman dalam bidang KIK iaitu:

Ketua Juri
Dr. Norasyikin Binti Shaikh Ibrahim
 Timbalan Ketua Pusat (Inovasi),
 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
 Bukit Kiara



Juri
Puan Fauzanah binti Mohamad Sharif
 Ketua Penolong Pengarah,
 Pusat Pengajian Teknologi Maklumat dan
 Pembangunan Teknologi
 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
 Bukit Kiara



Juri
Encik Mohd Azri Aizat bin Abdul Rahim
 Pegawai Pendaftaran
 Jabatan Pendaftaran Negara,
 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Pejabat Pendaftar mengucapkan tahniah dan syabas kepada kumpulan KIK UTeM atas kejayaan dalam Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kali ke - 8 Tahun 2026. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBrs. Profesor Dr. Zahriladha bin Zakaria, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

Semoga lebih banyak projek inovasi dapat dihasilkan yang memberi manfaat kepada Universiti, PTj/PBU dan komuniti serta menjadi pemangkin kepada kumpulan KIK baharu.



- Johan
- Persembahan Terbaik (Inovasi Penambahbaikan)

Nama Kumpulan: **MOVE**
Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

Tajuk projek:
ReVO (Research Repository & Vault Online)



- Naib Johan
- Persembahan Terbaik (Inovasi Penciptaan)

Nama Kumpulan:

LUMINOUS TECHNO'S

Fakulti Teknologi dan
Kejuruteraan Industri dan
Pembuatan (FTKIP)

Tajuk projek:

CLAMPJET: Pengurangan
Masa Penyediaan Bahan Kerja
semasa Pengajaran dan
Pembelajaran (PdP) di
Makmal Waterjet



Tempat Ketiga

Nama Kumpulan:

UTeM×Tech

Fakulti Teknologi dan
Kejuruteraan Elektronik dan
Komputer (FTKEK)

Tajuk projek:

Aplikasi UTeMGo





Saguhati

Nama Kumpulan:

The Novatrac

Pejabat Pendaftar

Tajuk projek:

**Transformasi Penyerahan
Jubah Graduan melalui
Kaedah Pandu Lalu**



Bengkel Pemantapan Dokumen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Bengkel Pemantapan Dokumen KIK

Disediakan oleh:
Nor Ashikin binti Rahman

Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kali ke-8 Peringkat UTeM telah diadakan pada 6 Mei 2026 bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Canselori. Rentetan daripada itu, dua (2) kumpulan pemenang utama Konvensyen KIK UTeM kali ke-8 iaitu Move dan Luminous Technos diberi peluang mewakili UTeM dalam Konvensyen Horizon Baharu KIK Universiti Awam ke-18 yang akan diadakan di UPNM pada 4 sehingga 6 Ogos 2026.



Sehubungan itu, satu Bengkel Pemantapan Dokumen KIK telah dilaksanakan pada 10-11 Jun 2026 bermula 9 pagi sehingga 5 petang bertempat di Dewan Jamuan VIP 1, Dewan Canselori sebagai inisiatif persediaan yang menyeluruh bagi memastikan kedua-dua kumpulan KIK yang terpilih dapat membuat persediaan rapi sebelum menyertai konvensyen tersebut.



Bengkel ini bertujuan untuk memberi penekanan kepada aspek penambahbaikan dokumentasi projek KIK agar lebih tersusun, komprehensif dan menepati kriteria penilaian konvensyen, disamping pengukuhan kandungan pembentangan serta meningkatkan mutu persembahan dan kemahiran penyampaian peserta agar projek KIK dapat disampaikan secara menarik, jelas dan berkesan.

“

Nama Kumpulan: **MOVE**

PTj: Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

Tajuk projek:

ReVO (*Research Repository & Vault Online*)

“

Nama Kumpulan: **LUMINOUS TECHNO'S**

PTj: Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP)

Tajuk projek:

CLAMPJET: Pengurangan Masa Penyediaan Bahan Kerja Semasa Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Makmal Waterjet



Selain itu, bengkel ini juga akan memberi ruang kepada peserta untuk menerima bimbingan secara langsung daripada fasilitator, mendapatkan maklum balas yang konstruktif serta melaksanakan penambahbaikan berfokus terhadap projek masing-masing. Melalui pendekatan ini, diharapkan kualiti penyediaan dokumen dan persembahan kumpulan KIK dapat dipertingkatkan secara holistik seterusnya meningkatkan keyakinan dan tahap kesediaan peserta dalam menghadapi konvensyen di peringkat Universiti Awam.





Bengkel tersebut menampilkan figura yang tidak asing lagi dalam dunia Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), iaitu **Encik Muhamad Sobri bin Zulkfely**, yang mempunyai pengalaman luas sebagai fasilitator, jurulatih dan penilai KIK di pelbagai peringkat di institusi awam, sekali gus berkongsi kepakaran serta amalan terbaik bagi membantu peserta memantapkan projek KIK masing-masing.



“

Diharapkan perkongsian yang diberikan dapat menjadi pemangkin kepada penghasilan projek inovasi yang berimpak tinggi serta menyumbang kepada kecemerlangan organisasi pada masa hadapan. Semoga kejayaan menanti semua peserta dalam Pertandingan Konvensyen KIK yang bakal disertai kelak.



Program Saringan Kesihatan Tahun 2026

Disediakan oleh:
Hairulizan binti Yacob

Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi (BGPO), Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti telah berjaya menganjurkan Program Saringan Kesihatan Tahun 2026 secara bersiri pada 13 & 14 Mei 2026 dan 20 & 21 Mei 2026. Program ini disasarkan kepada staf yang masih belum menjalani saringan kesihatan bagi tahun 2025 sebagai salah satu usaha universiti untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan pemantauan status kesihatan secara berkala.





Melalui program ini, peserta telah menjalani pelbagai aktiviti saringan kesihatan termasuk pengukuran Indeks Jisim Badan (BMI), pengambilan sampel darah dan air kencing serta sesi khidmat nasihat doktor. Program ini turut memberi pendedahan kepada staf mengenai risiko Penyakit Tidak Berjangkit (*Non-Communicable Diseases – NCD*) seperti kencing manis, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi. Secara tidak langsung, program ini dapat menggalakkan amalan hidup sihat dalam kalangan warga universiti.

Penganjuran program ini telah membantu staf mengenal pasti faktor risiko kesihatan pada peringkat awal dan mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya. Selain meningkatkan kesedaran kesihatan, program ini turut menyumbang kepada pembentukan persekitaran kerja yang lebih sihat, produktif dan sejahtera. Secara keseluruhannya, program ini membuktikan komitmen UTeM dalam memastikan kesejahteraan warga kerjanya terus terpelihara.